

## ULASAN KES

### ***SHAHNAZ MAJID LWN DATO' SRI MAHMUD ABU BEKIR TAIB [2018] 6 CLJ 663***

*Nur Atheefa Sufeena M. Suaree*  
nur.atheefa@mmu.edu.my

Fakulti Undang-undang,  
Universiti Multimedia.

Published online: 1 January 2019

To cite: Nur Atheefa Sufeena M. Suaree. (2019). *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 184 – 189. Ulasan Kes: *Shahnaz Majid lwn Dato' Sri Mahmud Abu Bekir Taib [2018] 6 CLJ 663*.

## PENDAHULUAN

Kes ini merupakan kes pertama yang dibicarakan oleh mahkamah syariah, iaitu Mahkamah Rayuan Syariah Kuala Lumpur pada 16 Oktober 2018 selepas perbicaraan awal yang berkaitan dengan jumlah tuntutan mutaah tertinggi di Malaysia.

Secara ringkasnya, fakta kes ini melibatkan pasangan suami isteri, iaitu plaintif dan defendan yang bernikah pada 9 Januari 1992 di Kuala Lumpur. Namun, mereka disahkan bercerai pada 11 Mei 2011 di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara talak rajii. Hasil pernikahan mereka selama hampir 19 tahun 4 bulan, mereka dikurniakan seorang cahaya mata lelaki bernama Raden Murya Abdul Taib Mahmud yang lahir pada 11 Disember 2003.

Sejak perceraian tersebut, tiada apa-apa perintah yang berkaitan dengan mutaah dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Oleh sebab itu, pada 9 Jun 2011, plaintif memfailkan tuntutan mutaah di mahkamah syariah. Namun, Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 14 November 2012 dalam bidang kuasa semakannya menyemak prosiding perbicaraan kes induk

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2019. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

mutaah bertarikh 12 Mac 2012 di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memerintahkan agar kes ini dibicarakan semula di hadapan hakim bicara yang lain. Lanjutan daripada perintah mahkamah rayuan syariah tersebut, mahkamah mendengar semula prosiding kes tuntutan mutaah ini pada 23 Mei 2013.

Mahkamah setelah mendengar kes ini yang melibatkan 137 ekshibit dan tiga orang saksi pakar bebas dikemukakan oleh plaintif dan satu ekshibit yang dikemukakan oleh pihak defendan mengarahkan peguam cara plaintif dan defendan memfailkan hujahan masing-masing dan menetapkan keputusan kes pada 10 Mac 2016.

## **FAKTA KES**

Terdapat satu tuntutan yang dikemukakan oleh pihak plaintif di bawah seksyen 56 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 yang menuntut daripada pihak defendan bayaran mutaah berjumlah RM100 juta. Walau bagaimanapun, mahkamah tinggi hanya membenarkan permohonan plaintif dengan kadar jumlah RM30 juta dan menolak hujah pihak defendan. Pada peringkat ini, mahkamah tinggi membenarkan dua persoalan dan isu untuk membolehkan mahkamah membuat keputusan berhubung dengi tuntutan ini.

Persoalan pertama, sama ada mutaah wajib dibayar oleh defendan, dan berapakah kadar atau jumlah yang munasabah bagi mutaah tersebut, manakala persoalan kedua, adakah plaintif berjaya membuktikan kesnya. Bagi menjawab persoalan ini, Hakim Tuan Muhamad Abdul Karim Wahab meneliti beberapa perkara yang relevan secara holistik dan terperinci untuk memastikan hak seseorang ditunaikan.

Bagi isu pertama, pihak mahkamah tinggi berpuas hati bahawa pihak plaintif berhak mendapat mutaah dan menjadi kewajipan kepada pihak defendan. Dengan kata lain, tidak gugur kewajipan tersebut kepada pihak defendan untuk membayar mutaah kepada pihak plaintif. Namun demikian, timbul pula isu berapakah kadar dan

amaun berpatutan yang wajar diberikan kepada plaintif? Meskipun tiada formula pengiraan yang khusus dan mekanisme yang boleh dijadikan panduan, namun mahkamah perlu berbalik pada faktor kemampuan suami, kedudukan suami isteri, serta faktor sampingan lain seperti kesedihan isteri, menutup malu isteri, dan sebagainya.

Setelah mahkamah meneliti dan menghalusi saman dan penyata tuntutan plaintif, pembelaan pihak defendan, keterangan plaintif, defendan dan saksi, dan setelah menimbang hujahan kedua-dua belah pihak, maka dengan ini mahkamah memerintahkan bahawa defendan hendaklah membayar mutaah kepada plaintif sebanyak RM30 juta. Bagi melaksanakan perintah ini, jumlah tersebut haruslah dilangsaikan secara ansuran sebanyak tiga kali bayaran bermula pada atau sebelum 31 Mac 2016, diikuti pada atau sebelum 30 Jun 2016 dan pada atau sebelum 30 September 2016 dengan setiap kali bayaran berjumlah RM10 juta. Sekiranya bayaran dibuat secara sekali gus seperti ketetapan bayaran bermula pada 31 Mac 2016, maka bayaran tersebut dianggap telah memenuhi kehendak pembayaran mutaah dan tidak perlu lagi membuat bayaran pada bulan Jun dan September 2016.

## ULASAN KES

Kes ini merupakan kes pertama dalam aspek amalan dan perundangan syariah berhubung dengan tuntutan mutaah tertinggi yang dibawa dari peringkat mahkamah tinggi dan berakhir pada peringkat mahkamah rayuan. Berdasarkan penghakiman mahkamah rayuan syariah, terdapat beberapa implikasi penting berlaku yang boleh dijadikan rujukan oleh kes mutaah lain di Malaysia. Penelitian hujah daripada sumber kitab utama dan penggunaan tenaga pakar menjadi beban pembuktian dalam kes ini.

Plaintif berhak dan layak mendapat mutaah setelah plaintif dicercaikan tanpa sebab yang patut, ibarat digantung tidak bertali selama 10 tahun apabila defendan secara berterusan mengabaikan plaintif. Plaintif berhak dan layak untuk mendapat kadar mutaah sebanyak RM100 juta berdasarkan tahap kemampuan defendan, pengorbanan dan kesusahan yang terpaksa dilalui oleh plaintif

sepanjang perkahwinan akibat sikap tidak bertanggungjawab defendan, peluang plaintif untuk memulakan kehidupan atau membina keluarga baharu terhalang selepas 10 tahun hidup digantung tidak bertali, serta perceraian tersebut mengaibkan dan merendahkan taraf dan kedudukan plaintif di mata masyarakat. Tambahan pula, defendan gagal memanggil saksi pakar untuk menyangkal dan mencabar keterangan saksi pakar plaintif yang membolehkan mahkamah membuat anggapan “adverse inference” terhadap defendan.

Terdapat banyak sumber pensyarian dan sokongan autoriti yang mendukung hujahan plaintif. Antaranya termasuklah dalil pensyarian pemberian mutaah berdasarkan firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 241 yang bermaksud:

Dan isteri-isteri yang diceraikan, berhak mendapat mutaah dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang yang bertakwa.

Mengikut tafsiran berkanun pula, ada diperuntukkan dalam seksyen 2 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, mutaah membawa maksud:

“mut’ah” ertinya bayaran sagu hati yang diberikan dari segi hukum syarak kepada isteri yang diceraikan.

Dalam kes *Piah Said lwn Che Lah Awang [1983] 3 ii JH 220*, Kadi Besar Pulau Pinang, Haji Harussani Haji Zakaria dalam penghakimannya menyebut:

Mutaah ialah pemberian yang bertanggung atas seorang suami yang menceraikan isteri. Tanggungan mutaah tidak gugur dalam apa-apa pun perceraian berlaku kecuali jika perceraian itu disebabkan keaiban di pihak isteri terhadap suaminya atau perceraian kerana mati.

Peruntukan seksyen 56 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 turut menggariskan elemen tentang hak seseorang wanita untuk mendapat hak mutaahnya:

Seksyen 56; mut'ah atau pemberian sugu hati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut sebagai tambahan kepada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut'ah atau pemberian sugu hati kepada mahkamah dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.

Bagi menentukan kadar mutaah pula, hakim merujuk firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 236 yang bermaksud:

Tidak ada kewajipan membayar (mahar) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan maharnya. Dan hendaklah kamu berikan suatu mut'ah (pemberian) kepada mereka. Orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), iaitu pemberian menurut yang patut. Yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang berbuat kebajikan.

Sememangnya mengikut panduan Islam, tiada kadar sebenar ditetapkan bagi setiap tuntutan mutaah. Kadarnya dikira berdasarkan beberapa faktor seperti yang dinyatakan dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 236. Sementara itu, kitab *Hasyiah P'annah al-Talibin* (Juz 3) (p. 595) pula ada menyatakan bahawa kadar mutaah ialah kadar yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak atau pendapat lain ialah kadar yang harus dijadikan sebagai mas kahwin, dan setengah kadar mutaah itu tidak kurang daripada 30 dirham.

Ketika mengendalikan kes ini, hakim didatangkan dengan penyaksian pakar, iaitu Encik Andrew Heng, seorang akauntan bertauliah dari Ferrier Hodgson MH Sdn. Bhd. yang juga merupakan pembuat dokumen (*the maker of the document*) laporan penilaian aset dan ringkasan laporan. Secara umumnya, antara cara pembuktian yang diterima dalam perundangan Islam termasuklah pendapat pakar. Dalam bahasa Arab pendapat pakar disebut sebagai

*al-ra'yu al-khabir*. Ibn Qayyim dalam *Al-turuq al-Hukmiyyah* mentafsirkan *al-ra'yu al-khabir* sebagai “kesaksian orang yang ahli tentang sesuatu bidang”.

Seksyen 33 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 ada menyebut tentang pendapat pakar. Apabila mahkamah perlu memberikan pendapat tentang sesuatu perkara seperti undang-undang negara asing, sains atau seni, identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari, atau yang berhubung dengan penentuan nasab, maka pendapat tentang perkara itu diperlukan daripada orang yang ahli dalam bidang tersebut, iaitu qarinah atau pakar.

Menurut perkara 1689 *Majallah al-Ahkam al-Adliyyah*, laporan orang yang berkemahiran atau dikenali sebagai pakar boleh diterima sebagai testimoni yang sah meskipun perkataan “syahadah” tidak digunakan. Selain itu, berdasarkan kes *Ramsdale lwn Ramsdale [173 LT 393]*, apabila pendapat pakar berdasarkan laporan fakta, maka fakta itu mestilah dibuktikan secara bebas, kecuali bagi kes yang berada dalam pengetahuan. Berpandukan prinsip tersebut dan berdasarkan sumber lain, mahkamah merumuskan bahawa saksi pakar mestilah seorang yang kompeten dan keterangannya boleh terima dan relevan dalam kes ini.

Penghakiman ini sebenarnya memberikan peluang yang adil untuk mengimbangi kepentingan antara pihak plaintif dengan defendan. Namun, defendan gagal membuktikan kepada mahkamah dan mencabar dakwaan yang dibuat oleh plaintif dengan keterangan yang dapat menyangkal laporan yang dibuat dalam ekshibit yang dibawakan kepada mereka.

Berdasarkan alasan tersebut, mahkamah berpendapat mutaah ialah sesuatu yang wajib dibayar oleh defendan kepada plaintif dan kadar pembayaran dibuat berdasarkan beberapa faktor yang diambil kira. Oleh itu, dalam kes ini hakim beranggapan jumlah tersebut berkadar dan wajar mengikut kemampuan defendan melalui bukti yang dikemukakan kepada mahkamah dan jumlah tersebut sedikit sebanyak mampu menghapuskan duka di hati seorang isteri.